

JA

MS 2

Peneroka FELDA setuju wang sara hidup RM1,000

→ Jawatankuasa Perundingan Peneroka mohon tambahan RM500 sebagai wang ihsan

Oleh Rohaniza Idris dan Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Jawatankuasa Perundingan Peneroka (JKPP) semalam mencadangkan elaun sara hidup peneroka FELDA dikurangkan kepada RM1,000 berbanding RM1,500 sekarang.

Ketua Peneroka Kebangsaan, Sulong Jamil Mohd Shariff, berkata jawatankuasa berkenaan bagaimanapun memohon kerajaan mempertimbangkan agar jumlah RM500 yang dikurangkan itu, diberikan sebagai sagu hati atau wang ihsan kepada 30,000 peneroka ranangan tanah berkenaan.

Katanya, cadangan itu dikemukakan sendiri JKPP pada mesyuarat bersama pengurusan FELDA yang dipengerusikan Pengarah Besarnya, Datuk Dr Othman Omar, di sini semalam.

"Bukan FELDA yang membuat keputusan ini, sebaliknya ia cadangan JKPP. Jadi FELDA akan angkat perkara ini kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali. Kita faham keduduan

FELDA sekarang tidak ada banyak aliran tunai.

"Justeru, kita setuju hanya RM1,000 diberikan sebagai (pinjaman) elaun sara hidup. Baki RM500 (selepas elaun RM1,500 dikurangkan kepada RM1,000) yang sepatutnya dibayar itu, kita minta jasa baik kerajaan berikan sebagai tambahan (wang ihsan)," katanya pada sidang media selepas mesyuarat berkenaan.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti FELDA, Anuar Malek; Pengarah Perladangan FELDA, Izham Mustafa; Presiden Majlis Belia FELDA, Muhammad Fadzli Hassan dan Presiden Kami Anak FELDA (KAF), Fakhruddin Razzi Mohd Habib.

Program tanam semula

Sejak 2016, peneroka FELDA menerima elaun sara hidup dalam bentuk pinjaman RM1,500 bagi empat hektar tanah untuk program tanam semula atau RM150 bagi setiap 0.4 hektar.

FELDA membelanjakan RM500 juta setahun bagi membiayai elaun itu kepada 30,000 peneroka yang terbabit dengan program penanaman semula.

Sulong Jamil berkata, keputusan dicapai itu adalah keputusan menang-menang kepada semua pihak dengan hutang peneroka kepada FELDA dapat dikurangkan dan pada masa sama,

mengurangkan masalah aliran tunai dihadapi agensi berkenaan.

"Dengan itu, FELDA boleh menumpukan usaha menyelesaikan hutang lain ditanggungnya, selain usaha mencari dana baharu bagi membayar baki



Kita sangat berharap kerajaan bantu FELDA selesaikan isu baki RM500 itu agar dapat diberikan kepada peneroka tanpa perlu dibayar balik"

**Sulong Jamil Mohd Shariff,
Ketua Peneroka Kebangsaan**

RM500 daripada elaun berkenaan. Kita sangat berharap kerajaan bantu FELDA selesaikan isu baki RM500 itu agar dapat diberikan kepada peneroka tanpa perlu dibayar balik," katanya.

Kurangkan kos pembiayaan

Sementara itu, Othman berkata, dengan pemberian elaun sara hidup RM1,000 itu, FELDA dapat mengurangkan kos pembiayaan yang tinggi dihadapi ketika ini, sekali gus mampu memberi tumpuan dalam menyelesaikan pelbagai hutang lain yang ditanggungnya.

"Elaun sara hidup RM1,000 juga akan membolehkan FELDA berusaha mencari jalan penyelesaian untuk membayar baki elaun sebanyak RM500 itu. Kita yakin tidak menghadapi masalah untuk membayar mengikut tempoh ditetapkan," katanya.

Pada 25 Februari lalu, Othman dalam wawancara ekslusif dengan BH dilaporkan berkata, kerajaan bersetuju memberi pinjaman RM577 juta susulan permohonan dikemukakan pihak lembaga agensi itu bagi menangani isu aliran tunai yang kritikal, selain bagi menstruktur atau mengambil alih hutang peneroka yang menjangkau RM8 bilion.

Katanya, sebahagian pinjaman, iaitu RM77 juta sudah diterima untuk menjelaskan bahanan elaun sara hidup November dan Disember, tahun lalu.

Sementara itu, Anuar berkata, pendahuluan pinjaman sara hidup sebanyak RM1,000 telah diberikan kepada peneroka umtuk bulan ini.

"Kira-kira RM500 juta setahun diperlukan bagi pembiayaan pinjaman kepada peneroka yang menanam semula kelapa sawit dengan FELDA sekiranya pinjaman RM1,500 diberikan berbanding RM360 juta setahun jika pinjaman dikurangkan kepada RM1,000.

"Sebenarnya ketika ini FELDA mampu untuk mendahului bayaran pendahuluan elaun sara hidup RM1,000 dan kita yakin, kalau (elaun dikurangkan kepada) RM1,000, kita mampu untuk teruskan (pembayaran) berbanding RM1,500," katanya.